



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

**(Bagi Minggu 06/2022 dari 6 Februari hingga 12 Februari 2022)**


Pada minggu ke-6 tahun 2022, jumlah kes Demam Denggi yang dilaporkan adalah 711 berbanding 625 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 86 kes (13.8%). Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-6/2022. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 4,284 kes berbanding 3,877 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan 407 kes (10.5%), manakala tiada kematian denggi dilaporkan berbanding tiga (3) kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C)**. Sebanyak 24 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 27 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya dengan 22 lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor dan masing-masing satu (1) lokaliti hotspot di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) & Putrajaya serta di Negeri Perak. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 26 kes pada minggu ke-6 dengan 12 kes dari Negeri Sembilan, masing-masing enam (6) kes dari WPKL & Putrajaya serta Selangor dan masing-masing satu (1) kes dari Pulau Pinang serta Pahang. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 153 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 217 sampel darah dan tiga (3) sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Waktu puncak gigitan Nyamuk Aedes adalah pada awal pagi iaitu di antara 5 pagi hingga 7 pagi dan lewat petang iaitu di antara jam 5 petang hingga 7 petang. Oleh itu, individu yang berada di luar premis pada waktu ini perlu menggunakan kaedah perlindungan diri seperti repelan atau memakai pakaian yang menutup anggota badan. Di samping itu, punca pembiakan perlu dicari dan dibanteras terutama di kawasan yang menjadi tumpuan masyarakat seperti tempat menunggu bas, kawasan kaki lima serta taman rekreasi. Individu berisiko digigit nyamuk Aedes yang mungkin infektif ketika berkebun atau beriadah di luar rumah. Tanamkan budaya membuang sampah di tempat yang disediakan serta tidak membuang bekas tidak terpakai merata-rata. Mari bersama pelihara komuniti dari ancaman demam denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
**23 Februari 2022**




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-5 dan ke-6 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu keenam tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021



**Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2022, 2021 dan Median 2017-2021**



**Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-6 tahun 2022**

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 06/2022**  
**(6 Februari hingga 12 Februari 2022)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 06/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 06/2021	
		Minggu 06 (6 Februari – 12 Februari 2022)		Minggu 05 (30 Januari – 5 Februari 2022)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	0	0	6	0	2	0
2	Kedah	10	0	14	0	128	0	37	0
3	P. Pinang	12	0	10	0	60	0	75	0
4	Perak	11	0	11	0	71	0	98	0
5	Selangor	512	0	428	0	2,849	0	2,144	0
6	WP KL & Putrajaya	60	0	44	0	351	0	422	0
7	N. Sembilan	21	0	16	0	135	0	120	1
8	Melaka	12	0	12	0	87	0	154	0
9	Johor	18	0	16	0	162	0	403	1
10	Pahang	7	0	5	0	53	0	108	1
11	Terengganu	1	0	1	0	9	0	8	0
12	Kelantan	6	0	5	0	29	0	44	0
13	Sarawak	12	0	19	0	98	0	64	0
14	Sabah	28	0	44	0	244	0	198	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	2	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>711</b>	<b>0</b>	<b>625</b>	<b>0</b>	<b>4,284</b>	<b>0</b>	<b>3,877</b>	<b>3</b>

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 06/2022  
(6 Februari hingga 12 Februari 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Lestari	36	110
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TKP 21-32 Taman Kantan Permai	35	98
3	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT Lembah Subang 2 (Blok A-E)	70	90
4	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 3 Taman Puncak Saujana	30	71
5	SELANGOR	Petaling	E8. BU SS 4A	14	69
6	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 8 Armanee Terrace Kondo	22	66
7	WPKL	Titivangsa	Desa Tun Hussein Onn (Blok G1-G5)	14	60
8	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/2 Taman Prima Saujana	10	54
9	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT 1 Blok (A,B,C)	15	52
10	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 4/1	14	52
11	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 6/2	12	48
12	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Mentari - Blok 1, 2 & 3)	12	46
13	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Idaman Fasa 1 (A,B,C,H,J,K,L,M,N)	19	43
14	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Lestari Putra (Lep 6)	17	41
15	PERAK	Kinta	Pekan Razaki	14	39
16	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 2/4	6	39
17	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Semarak 5-12 Taman Semarak	11	38
18	SELANGOR	Petaling	E9. KT SS 9A 2 Jln 9A/1,2,4,13,14,15,16,18,19	9	36
19	SELANGOR	Petaling	E2. Seksyen 17 (Teres B : Jln 17/16 - 17/24)	8	34
20	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U5 (Pangsapuri Jasmin : Blok 1 - 6)	8	33
21	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Saujana 2 (P,Q,G,H,N,O,K,J)	7	32

<b>NO</b>	<b>NEGERI</b>	<b>DAERAH</b>	<b>LOKALITI</b>	<b>BIL KES</b>	<b>TEMPOH WABAK (HARI)</b>
22	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Makmur Saujana Impian	9	32
23	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Adalia Bandar Sungai Long	5	32
24	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Harmoni 1 (A,B,C,L,M,N,O,P,Q)	6	31

Lampiran E

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 06/2022  
(DARI 6 FEBRUARI HINGGA 12 FEBRUARI 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 06/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 06/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 06/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 06/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	0	3
2	Kedah	0	4	5	41	140
3	P. Pinang	1	0	5	7	77
4	Perak	0	8	2	33	180
5	Selangor	6	4	41	13	339
6	WP KL & Putrajaya	6	1	51	3	490
7	N. Sembilan	12	0	31	0	22
8	Melaka	0	0	1	10	29
9	Johor	0	1	2	5	97
10	Pahang	1	0	1	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	14	3	55
13	Sarawak	0	0	0	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>26</b>	<b>18</b>	<b>153</b>	<b>115</b>	<b>1,432</b>